

SOALAN NO. : 18

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' DR. NIK MAZIAN BIN NIK MOHAMAD [PASIR PUTEH]

TARIKH : 10 NOV 2016 (KHAMIS)

SOALAN:

Dato' Dr. Nik Mazian bin Nik Mohamad [Pasir Puteh] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan :-

- (a) apakah program yang diambil untuk menangani masalah hakisan yang berlaku di sepanjang pantai negeri Kelantan. Ini adalah kerana berikutan kejadian hakisan ini telah memberi kesan kepada pantai tempat perkelahan untuk menarik para pelancong datang ke negeri Kelantan; dan
- (b) selanjutnya minta Kementerian menyatakan program yang sedang dan telah dibuat terhadap hakisan yang berlaku di sepanjang pantai di negeri Kelantan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Kerja-kerja pengawalan hakisan pantai telah dilaksanakan di sebahagian kawasan-kawasan yang menghadapi masalah hakisan di Pantai Sabak, Pantai Cahaya Bulan dan Pantai Irama. Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah memperuntukan RM20 juta dalam RMKe -11 bagi pengawalan hakisan di Pantai Mek Mas sepanjang 4 km.

- (b) JPS juga turut bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Negeri dan *State Planning Committee* (SPC) dalam memastikan semua permohonan projek pembangunan hartanah yang melibatkan penambakan laut atau yang berhadapan pantai, perlu melalui proses kajian hidraulik yang ketat dan menepati *Garis Panduan JPS 1/97 (Kawalan Hakisan Berikutan dari Pembangunan di Kawasan Pantai)* dan *Guidelines For Preparation of Coastal Engineering Hydraulic Study and Impact Evaluation (2001)* serta Keperluan Tambahan untuk Permodelan Hidrodinamik (2013).